

REVISION 3

**181st Annual General Conference
Priesthood Session, April 2, 2011**

Mempersiapkan Dunia untuk Kedatangan Kedua

Elder Neil L. Andersen

Dari Korum Dua Belas Rasul

Saya berucap malam ini terutamanya kepada para pemegang imamat Tuhan yang berumur 12 hingga 25. Kami sering memikirkan kamu dan kami berdoa untuk kamu. Saya pernah bercerita tentang cucu saya yang berumur 4 tahun yang menolak adiknya. Selepas menenangkan hati anak yang menangis itu, isteri saya, iaitu Kathy, berhadapan dengan anak berumur 4 tahun itu dan bertanya, “Kenapa kamu mahu menolak adik kamu?” Dia tengok neneknya dan menjawab, “Mimi, saya minta maaf. Cincin CTR saya menghilang, dan saya tidak dapat memilih yang benar.” Kami tahu bahawa kamu betul-betul cuba untuk selalu memilih yang benar. Kami sangat menyayangi kamu.

Adakah kamu pernah fikirkan kenapa kamu dihantar ke bumi tepat pada masa ini? Kamu bukan dilahir pada zama Adam dan Hawa, atau semasa para Firaun memerintah Mesir, atau semasa Dinasti Ming di Cina. Kamu telah datang ke bumi pada masa ini dua puluh abad selepas kedatangan pertama Kristus. Imamat Tuhan telah dipulihkan ke bumi, dan Tuhan telah meletakkan tanganNya untuk mempersiapkan dunia untuk kepulanganNya yang menakjubkan. Inilah masa peluang yang besar dan tanggungjawab yang penting. Inilah masa kamu.

Dengan baptisan kamu, kamu mengisytiharkan iman kamu dalam Yesus Kristus. Dengan pentahbisan kamu kepada imamat, bakat-bakat kamu dan kebolehan kamu yang rohani telah dipertingkatkan. Salah satu dari tanggungjawab kamu yang penting adalah untuk membantu dalam mempersiapkan dunia untuk Kedatangan Kedua Juruselamat.

Tuhan telah melantik seorang nabi, iaitu Presiden Monson, untuk mengarahkan pekerjaan imamatNya. Kepada kamu, Presiden Monson telah mengatakan, “Tuhan memerlukan para misionari.”¹ “Setiap pemuda yang layak dan yang dapat patut mempersiapkan diri untuk melayani misi. Pelayanan misionari adalah tugas imamat—satu kewajipan yang Tuhan harapkan dari kamu yang telah diberikan begitu banyak.”²

Pelayanan misionari memerlukan pengorbanan. Kamu pasti akan meninggalkan sesuatu bila kamu menjawab panggilan nabi untuk melayani.

Orang yang ikut sukan ragbi mengetahui bahawa All Blacks New Zealand, satu nama yang diberi kerana warna pakaian seragama mereka, adalah pasukan ragbi yang termasyhur. 3 Untuk dipilih bermain dengan “All Blacks” di New Zealand boleh dibandingkan dengan bermain untuk sepasukan football di Superbowl atau sepasukan bola sepak di World Cup.

Pada tahun 1961, pada umur 18 dan sudah memegang Imamat Harun, Sidney Going mulai menjadi bintang dalam ragbi New Zealand. Oleh kerana kebolehannya yang hebat, ramai orang fikir yang dia akan dipilih tahun berikutnya untuk pasukan ragbi kebangsaan, iaitu “All Blacks.”

Pada umur 19, pada masa yang terpenting dalam kerjayanya yang menaik, Sid mengisytiharkan bahawa dia akan menanggukkan ragbi untuk melayani misi. Beberapa orang panggil dia “gila.” Beberapa orang lain panggil dia “bodoh.” 4 Mereka mengatakan bahawa peluangnya dalam ragbi mungkin tidak akan ada lagi.

Bagi Sid apa yang dia tinggalkan tidak penting, yang penting adalah kesempatan dan tanggungjawab yang di hadapannya. Dia mempunyai tugas imamat untuk memberi dua tahun dari kehidupannya untuk mengkhutbahkan kebenaran Tuhan Yesus Kristus dan injilNya yang telah dipulihkan. Tidak ada apa pun—bahkan kesempatan main di pasukan antara bangsa, dengan segala sanjungan yang akan dia terima—dapat menghalang dia dari tugas itu. 5

Dia dipanggil oleh nabi Tuhan untuk melayani di Misi Kanada bahagian Barat. Empat puluh lapan tahun yang lalu dari bulan ini, Elder Sidney Going yang berumur 19 pergi dari New Zealand untuk melayani sebagai misionari untuk Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Sid bercerita kepada saya tentang pengalamannya semasa misinya. Pada waktu malam dia dan rakannya mahu pulang ke apartmen mereka. Mereka memilih untuk berjumpa dengan satu keluarga lagi. Bapa keluarga itu membiarkan mereka masuk. Elder Going dan rakannya bersaksi akan Juruselamat. Keluarga itu menerima sebuah Kitab Mormon. Bapa keluarga itu membaca sepanjang malam, dan semasa minggu depan dia membaca habis Kitab Mormon, Ajaran dan Perjanjian, dan Mutiara yang Sangat Berharga. Beberapa minggu kemudian keluarga itu dibaptiskan. 6

Bila ditanya, Pergi misi dan tidak mengambil posisi di pasukan All Blacks New Zealand? Sid menjawab, “Berkat yang datang dari [membawa orang lain] ke dalam injil adalah jauh lebih penting daripada apapun yang [kamu] korbankan.” 7

Mungkin kamu mahu tahu apa yang terjadi kepada Sid Going selepas misinya? Yang terpenting: perkahwinan abadi kepada sayangnya, Colleen; lima anak yang baik, dan satu generasi cucu-cucu. Dia telah menjalani kehidupannya mempercayai Bapanya di Syurga, mengikuti perintah-perintah, dan melayani orang lain.

Dan ragbi? Setelah misinya, Sid Going menjadi salah satu dari halfbacks yang paling hebat dalam sejarah “All Blacks,” dan bermain selama 11 tahun dan melayani sebagai kapten pasukan.
8

Berapa mahir pemain Sid Going? Dia begitu hebat sehingga jadual latihan dan perlawanan ditukar kerana dia tidak mahu bermain pada hari Ahad. 9 Sid begitu hebat sehingga Ratu England mengenali sumbangannya kepada sukan ragbi. 10 Dia begitu hebat sehingga sebuah buku ditulis tentang dia bernama “Super Sid.”

Apa yang akan terjadi kalau sanjungan itu tidak datang kepada Sid setelah misinya? Salah satu dari keajaiban yang hebat dalam pelayanan misionari dalam Gereja ini adalah bahawa Sid Going dan beribu-ribu orang seperti dia tidak pernah bertanya, “Apa yang akan saya dapat dari misi saya?” tetapi mereka bertanya, “Apa yang dapat saya berikan?”

Misi kamu akan menjadi peluang yang suci untuk membawa orang lain kepada Kristus dan membantu dalam mempersiapkan “untuk Kedatangan Kedua Juruselamat.”

Tuhan telah bercakap banyak tentang persiapan yang perlu untuk KedatanganNya yang Kedua. Kepada Enoch Dia mengisytiharkan, “Perbuatan benar akan Aku kirimkan dari syurga; dan kebenaran akan Aku kirimkan dari bumi...dan perbuatan benar serta kebenaran akan Aku biarkan melanda bumi bagaikan banjir, untuk mengumpulkan orang pilihanKu dari keempat penjuru bumi.” 11 Nabi Daniel bernubuat bahawa pada zaman akhir injil akan bergolek dengan maju ke seluruh bumi, bagaikan “sebuah batu yang jatuhnya sendiri dari gunung tanpa tangan.” 12 Nefi bercakap tentang Gereja zaman akhir sebagai yang jumlahnya tidak besar, tetapi yang ada di seluruh permukaan bumi. 13 Tuhan mengisytiharkan pada dispensasi ini, “Kamu dipanggil untuk melaksanakan pengumpulan umat pilihanKu.” 14 Saudara-saudara saya yang muda, misi kamu merupakan peluang dan tanggungjawab yang besar, sangat penting dalam pengumpulan yang dijanjikan ini, dan berkaitan dengan destinasi abadi kamu.

Sejak masa awal Pemulihan para Penguasa Umum telah sangat serius dalam tugas mereka untuk mengkhutbahkan injil. Pada tahun 1837, hanya tujuh tahun saja selepas pendirian Gereja, pada masa kemiskinan dan penindasan, para misionari dihantar untuk mengkhutbahkan injil di

England. Dalam beberapa tahun yang berikutnya, para misionari berkhotbah di banyak tempat yang berbeza seperti Austria, French Polynesia, India, Barbados, Chile, dan Cina. 15

Tuhan telah memberkati pekerjaanNya dan Gereja sedang didirikan di seluruh dunia. Sesi konferensi ini sedang diterjemahkan ke dalam 93 bahasa. Kami bersyukur atas 52,225 misionari penuh masa yang melayani di lebih daripada 150 negara. 16 Matahari tidak pernah terbenam pada para misionari yang soleh yang bersaksi akan Juruselamat. Fikirkanlah kuasa rohani 52,000 misionari, yang dianugerahi dengan Roh Tuhan, yang mengisytiharkan dengan berani bahawa tidak ada “nama lain ataupun jalan lain ataupun cara lain yang diberikan dengan mana keselamatan dapat datang... hanya di dalam dan melalui nama Kristus.” 17 Kami meluahkan penghargaan kepada beribu-ribu misionari yang sudah pulang yang telah memberikan dan yang terus melakukan sedaya upaya mereka sekarang. Dunia sedang dipersiapkan untuk Kedatangan Kedua Juruselamat, terutamanya kerana pekerjaan Tuhan melalui para misionariNya.

Pelayanan misionari adalah pekerjaan rohani. Kelayakan dan persiapan adalah sangat penting. Presiden Monson telah mengatakan, “Remaja putera, saya menasihati kamu untuk mempersiapkan diri untuk pelayanan sebagai seorang misionari. Pastikanlah agar dirimu suci dan layak untuk mewakili Tuhan.” 18 Pada masa sebelum misi kamu, ingatlah tugas yang suci yang di hadapan kamu. Tindakan kamu sebelum misi kamu akan mempengaruhi kuasa imamat yang kamu bawa dengan kamu ke dalam misi. Persiapkanlah dirimu dengan baik.

Presiden Monson bercakap tentang “setiap pemuda yang layak yang dapat yang [mempersiapkan diri] untuk melayani misi.” 19 Sekali-sekala seseorang mungkin tidak dapat melayani oleh kerana kesihatan atau sebab yang lain. Kamu akan tahu kebolehan kamu untuk melayani ketika kamu bercakap dengan ibu bapa dan uskup kamu. Kalau ini adalah situasi kamu, tolong jangan rasa kurang penting dalam tugas yang mulia yang di hadapan kamu. Tuhan adalah sangat murah hati kepada orang yang mengasihinya, dan Dia akan membuka pintu-pintu yang lain untuk kamu.

Ada beberapa orang yang mungkin berfikir bahawa mereka terlalu tua untuk melayani. Kawan saya dari negara Cina menjumpai Gereja di Kambojia sewaktu dia berumur dua puluhan. Dia tanya dirinya sendiri kalau dia patut melayani misi. Setelah berdoa dan bercakap dengan uskupnya, dia dipanggil dan melayani dengan sungguh di Kota New York. Jika kamu bimbang kerana umur kamu, berdoalah dan bercakap dengan uskup kamu. Dia akan memimpin kamu.

Lima puluh peratus dari semua misionari melayani di negara mereka sendiri. Itu memang sesuai. Tuhan telah berjanji bahawa “setiap orang akan mendengar kegenapan injil dalam

logatnya masing-masing dan dalam bahasanya sendiri.” 20 Kamu akan dipanggil oleh nubuat dan melayani di mana kamu paling diperlukan.

Saya menikmati berjumpa para misionari di banyak tempat di dunia. Kebelakangan ini semasa melawat Misi Australia Sydney, adakah kamu tahu siapa yang saya jumpa? Elder Sidney Going—bintang ragbi New Zealand. Sekarang berumur 67, dia sekali lagi menjadi misionari, tetapi kali ini dengan rakan pilihannya: Sister Colleen Going. Dia memberitahu saya tentang sebuah keluarga yang mereka dapat mengajar. Ibu bapa keluarga itu sudah menjadi ahli tetapi telah kurang aktif dalam Gereja bertahun-tahun lamanya. Elder dan Sister Going tolong memperbaharui iman keluarga itu. Elder Going memberitahu saya tentang kuasa yang dia rasa ketika berdiri dekat kolam baptisan di sebelah bapa keluarga itu, ketika anaknya lelaki yang suling, yang sekarang memegang imamat, membaptiskan adiknya yang lelaki dan adiknya yang perempuan. Dia mengungkapkan kebahagiaan menyaksikan sebuah keluarga yang bersepadu dalam mengejar kehidupan abadi bersama-sama. 21

Presidensi Utama telah mengatakan kepada kamu: “Kamu merupakan roh pilihan yang telah datang tepat pada masa ini bila tanggungjawab dan peluang, dan juga godaan, adalah yang terbesar... Kami berdoa untuk setiap kamu...agar kamu dapat melakukan pekerjaan yang besar yang di hadapan kamu...agar kamu akan layak dan rela untuk mengambil tanggungjawab mendirikan kerajaan Tuhan dan mempersiapkan dunia untuk Kedatangan Kedua Juruselamat.” 22

Saya menyayangi lukisan Harry Andersen tentang Kedatangan Kedua Juruselamat. Lukisan itu memperingatkan saya bahawa Dia akan datang dalam keagungan dan kuasa. Peristiwa-peristiwa yang menakjubkan akan terjadi di bumi dan di langit. 23

Orang yang menunggu kedatangan Juruselamat akan mencari Dia. Dan Dia telah berjanji, “Saya akan datang!” Orang soleh akan melihat Dia “dalam awan syurga [dengan para malaikat suci], berhias dengan kuasa dan kemuliaan agung.” 24 Seorang “malaikat akan membunyikan trompetnya...dan orang-orang suci [dari keempat penjuru bumi] 25...akan diangkat untuk menemuiNya.” 26 Orang “yang telah tidur,” bererti orang suci yang layak yang sudah mati, “akan [juga] datang untuk menemuiNya.” 27

Ayat suci itu berkata: “Tuhan akan menjejakkan kakiNya di atas gunung” dan “[Dia] akan mengeluarkan suaraNya, dan segenap hujung bumi akan mendengarnya.”

Saudara-saudara saya dalam imamat, saya bersaksi akan keagungan, tetapi yang terpenting, akan kepastian peristiwa yang mengagumkan ini. Juruselamat hidup. Dia akan kembali ke bumi. Dan apakah di dunia ini atau di dunia akhirat, kamu dan saya akan sangat berbahagia dalam kedatangannya dan berterima kasih kepada Tuhan kerana menghantar kita ke bumi pada masa ini untuk memenuhi tugas kita yang suci untuk membantu dalam mempersiapkan dunia untuk kepulangannya, dalam nama Yesus Kristus, amin.

Nota

1. Thomas S. Monson, "The Lord Needs Missionaries," *Liahona*, January 2011.
 2. Thomas S. Monson, "As We Meet Together Again," *Liahona*, November 2010.
 3. "New Zealand national rugby union team," Wikipedia.com¹
 4. Bob Howitt, "Super Sid: The story of a great All Black," *Auckland: New Zealand, Rugby Press Ltd*, 1978.²
 5. Phone conversation with President Maxwell Horsford, Kaikohe New Zealand Stake, March 2011
 6. Phone conversation with Elder Sidney Going, March 2011.
 7. E-mail correspondence from Elder Sidney Going, March 2011.
 8. "Sid Going," Wikipedia.com³
 9. Phone conversation with President Maxwell Horsford, Kaikohe New Zealand Stake, March 2011.
 10. Sid Going was awarded with an M.B.E. (Member of the Order of the British Empire)⁴ in 1978 for his contributions to the sport of rugby. ("Sid Going," Wikipedia.com)⁵
-

11. Musa 7:62.
12. Daniel 2:45.
13. Lihat 1 Nefi 14:12–14.
14. Ajaran dan Perjanjian 29:7.
15. *2011 Church Almanac*, Deseret News.
16. Dari Januari 1, 2011.
17. Mosia 3:19.
18. Thomas S. Monson, “The Lord Needs Missionaries,” *Liahona*, Januari 2011.
19. Thomas S. Monson, “As We Meet Together Again,” *Liahona*, November 2010.
20. Ajaran dan Perjanjian 90:11.
21. Perbualan telefon dengan Elder Sidney Going, March 2011.
22. “Message from the First Presidency,” *For the Strength of Youth: Fulfilling Our Duty to God*, 2001, 2–3.
23. Lihat Ajaran dan Perjanjian 45:40; 43:18.
24. Ajaran dan Perjanjian 45:44.
25. Ajaran dan Perjanjian 45:46.
26. Ajaran dan Perjanjian 88:94, 96.
27. Ajaran dan Perjanjian 45:45; juga lihat 29:13; 88:96-97.
28. Ajaran dan Perjanjian 45:48.

29. Ajaran dan Perjanjian 45:49.